

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]**

**TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan dari negeri China ke negara ini setiap tahun dari tahun 2015 hingga 2020 memandangkan pihak Kementerian telah membuka 3 pejabat MIDA di negeri China.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebaik sahaja negara China menyertai Organisasi Perdagangan Dunia (WTO) pada tahun 2001, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menubuhkan pejabat luar negara yang pertama di China, iaitu di Shanghai. Kemudian, MIDA telah menubuhkan pejabat luar negara di China yang kedua iaitu di Guangzhou berasaskan dasar 'Go Out Policy' yang diperkenalkan oleh Kerajaan China pada tahun 2006 yang bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat China untuk melabur ke luar negara.

Berasaskan dasar 'Go Global Policy' yang dilihat sebagai salah satu strategi ekonomi jangka panjang bagi negara China, MIDA telah membuka pejabat luar negara di China yang ketiga iaitu di Beijing pada tahun 2015 bagi menarik masuk pelaburan langsung asing dari negara tersebut. Usaha ini dilihat telah berjaya menarik pelaburan yang berkualiti dan bernilai tambah tinggi dari negara China.

Bagi tempoh 2015 hingga 2020, projek-projek pelaburan sektor perkilangan yang diluluskan dari negara China adalah sebanyak RM63.22 bilion (US\$15.34 bilion) yang menyediakan sejumlah 56,030 peluang pekerjaan. Pecahan jumlah pelaburan yang diluluskan bagi tahun 2015 hingga 2020 adalah seperti berikut:

<b>No.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Projek Yang Diluluskan</b>	<b>Jumlah Pelaburan Yang Diluluskan</b>
1.	2015	17	RM1.8 bilion
2.	2016	33	RM4.7 bilion
3.	2017	20	RM3.8 bilion
4.	2018	40	RM19.6 bilion
5.	2019	79	RM15.3 bilion

No.	Tahun	Bilangan Projek Yang Diluluskan	Jumlah Pelaburan Yang Diluluskan
6.	2020	71	RM17.7 bilion

Projek-projek utama yang diluluskan oleh pelaburan negara China di Malaysia adalah melalui industri-industri seperti produk logam asas, kertas, percetakan dan penerbitan, produk mineral bukan logam, produk petroleum serta elektrik dan elektronik.

Negara China merupakan negara yang paling tinggi melabur di dalam sektor perkilangan di Malaysia selama lima (5) tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan bagi tahun 2015 hingga 2020 ini, sejumlah 162 buah projek bernilai RM15.84 bilion (US\$3.79 bilion) telah dilaksanakan dan menyediakan 28,211 peluang pekerjaan.

Projek dan jumlah pelaburan dari negara China dilihat telah meningkat secara mendadak iaitu sebanyak 883% dari RM1.8 bilion pada tahun 2015 kepada RM17.7 bilion pada tahun 2020. Kerajaan melalui MIDA komited untuk menarik lebih banyak pelaburan dari negara China melalui strategi-strategi khusus bagi yang telah dilaksanakan dan akan diteruskan oleh MIDA termasuklah:

- a. Memanfaat peluang pelaburan daripada dasar semasa Kerajaan China yang telah diperkenalkan pada September 2013 iaitu *Belt & Road Initiative (BRI)* melalui pembinaan taman perindustrian iaitu "*Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP)*", hab logistik serta *Transit Oriented Developments (TOD)*;
- b. Memudahkan aliran masuk pelaburan asing ekoran isu hubungan antara Konflik Perdagangan di antara Amerika Syarikat-China;
- c. Menyasar 10 sektor keutamaan di bawah dasar '*Made in China 2025*' iaitu:
  - i. mesin automatik dan robotik (*robotics*);

- ii. aeroangkasa dan aeronautik (*aviation and aerospace equipment*);
  - iii. *biopharma* dan peralatan perubatan berteknologi tinggi (*biopharma and hi-tech medical devices*);
  - iv. sumber tenaga baharu dan kenderaan jimat tenaga (*new energy & energy saving vehicles*);
  - v. peralatan maritim dan kapal berteknologi tinggi (*maritime equipment & hi-tech ships*);
  - vi. pengangkutan kereta api (*railway transport*);
  - vii. teknologi maklumat generasi baharu (*new generation information technology*);
  - viii. peralatan tenaga (*energy equipment*);
  - ix. bahan baharu (*new materials*); dan
  - x. peralatan pertanian (*agricultural equipment*); dan
- d. Memberi fokus untuk menarik syarikat-syarikat China yang berprofil tinggi dalam senarai 'Fortune China 500' serta 'Unicorns Global' yang terlibat dalam sektor teknologi yang boleh memacu transformasi sektor perkilangan Malaysia melalui inovasi.

Kerajaan juga komited untuk menarik pelaburan asing dari negara-negara yang lain dalam memastikan agar Malaysia terus kekal sebagai lokasi yang mesra pelabur bagi pertumbuhan jangka panjang perniagaan asing dan domestik meskipun wabak pandemik COVID-19 telah mengubah sistem perindustrian global.

Sekian, terima kasih.